

19 OCT 2001

BELANJAWAN-PERKHIDMATAN

MEREALISASIKAN POTENSI PENUH SEKTOR PERKHIDMATAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Terdapat ruang yang banyak bagi peranan dan sumbangan sektor perkhidmatan untuk diperbaiki, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Sektor perkhidmatan adalah salah satu daripada penyumbang utama kepada pertumbuhan, menyumbang 55 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara dalam tahun 2001, katanya di dalam ucapan membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

"Negara mempunyai pelabuhan-pelabuhan dan lapangan terbang moden dengan potensi menjadi pusat-pusat bagi (pergerakan kargo) dan juga menarik pengusahaan-pengusaha ekspres bersepadu tempatan dan antarabangsa," katanya.

Pelabuhan-pelabuhan Johor (di Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas), katanya, mestilah merebut peluang daripada lokasi strategik dan berhampiran Singapura untuk mengadakan perkhidmatan pelabuhan berkelas dunia.

Menurut Dr Mahathir, prestasi sektor pelancongan adalah memuaskan dengan ketibaan pelancong asing mencatatkan paras tertinggi lebih daripada 1 juta sebulan.

"Sungguhpun demikian, kebimbangan terhadap keselamatan perjalanan udara, terutamanya di Barat berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September, akan menjejaskan ketibaan pelancong daripada negara-negara itu," katanya.

"Oleh itu, usaha-usaha mestilah dilipat gandakan untuk menarik para pelancong dari Asia, khususnya daripada negara-negara di Teluk Parsi dan Asia Barat dan juga India, China dan rantau ASEAN, di samping menggalakkan lagi pelancongan domestik," katanya. -- BERNAMA

CL SEL 05